

MAHKAMAH PERSEKUTUAN
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak
Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Semua Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak
Semua Majistret, Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak
Semua Pendaftar Mahkamah Sesyen, Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,



ARAHAN AMALAN NO. TAHUN 1995

PENJELASAN MENGENAI:

- i. Butiran 108 Lampiran B Kaedah-
Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

dan
- ii. Butiran 73 Jadual B Kaedah-
Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Adalah saya dengan hormatnya diarah oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara untuk menjelaskan keraguan yang timbul berhubung tafsiran ke atas:

- i. Butiran 108 Lampiran B Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang berbunyi:

"108. Komisen sebanyak 2 peratus akan dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam writ itu mengikut mana yang kurang jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan."; dan
- ii. Butiran 73 Jadual B Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang berbunyi:

"73. Komisen sebanyak 2 peratus yang hendak dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam writ itu mengikut mana-mana yang kurang jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan.

2. Tafsiran yang sewajarnya diikuti untuk kedua-dua Butiran 108 dan Butiran 73 ialah ia adalah meliputi harta-harta alih dan harta-harta tak alih.

3. Dengan keluarnya Arahan Amalan ini Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diarahkan untuk memastikan bahawa komisen mahkamah sebanyak 2 peratus hendaklah terus dikutip untuk harta-harta alih dan komisen 2 peratus juga hendaklah dikutip untuk harta-harta tak alih jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan.

4. Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diarahkan mengambil langkah yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZAINUN BT. ALI)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
2. Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan.
3. Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
4. Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak.
5. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan.
6. Y.B. Peguam Negara Malaysia.
7. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan.
8. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak.
9. Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya/ Sabah dan Sarawak.
10. Ketua Pengarah,
Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang,
Jabatan Perdana Menteri.
11. Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak.
12. Y.B. Penasihat Undang-Undang,
Semenanjung Malaysia.
13. Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Sabah.
14. Pustakawan,
Mahkamah Persekutuan/Jabatan Peguam Negara,
Kuala Lumpur.
15. Majlis Peguam.
16. MLJ.
17. CLJ.
18. Kanun Jurnal Undang-Undang,
Dewan Bahasa dan Pustaka.
19. Yang DiPertua,
Kesatuan Belip Semenanjung Malaysia.